

Tuduhan Arqam ada tentera Badar berasas

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, kerajaan kini mempunyai bukti kukuh yang menunjukkan Al-Arqam sedang melatih ahli-ahlinya berkawat.

Katanya, gambar yang disiarkan oleh sebuah akhbar yang diterbitkan di Thailand yang bertajuk *Islamic Guidance Post* jelas menunjukkan ahli-ahli Al-Arqam sedang menjalani latihan kawat.

"Kita juga ada bukti semasa di Thailand ada acara kawat yang nampak seolah-olah macam kawat tentera...saya tidak tahu tujuannya sama ada untuk tujuan tentera atau tidak.

"Tetapi tuduhan bahawa mereka mempunyai hasrat untuk menubuhkan tentera Badar ada asasnya," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO, di sini, hari ini.

Presiden UMNO itu berkata, gambar yang dipaparkan ini telah membuktikan bahawa selama ini Pusat Islam tidak membuat tuduhan melulu.

Dr. Mahathir juga mendedahkan mengenai perbuatan ahli-ahli Al-Arqam yang bukan sahaja berkahwin tanpa mendaftar dengan pihak bertanggungjawab tetapi juga bercerai tanpa mengambil berat soal edah dan sebagainya.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri, kes ini telah menunjukkan bahawa Al-Arqam memperlak

■Lihat muka 2

Tuduhan Arqam ada tentera Badar berasas

kan wanita, oleh itu kerajaan dan UMNO berasa bertanggungjawab untuk mendedahkan penyelewengan mereka.

"Saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa tindakan kerajaan bukan berasaskan soal keselamatan waktu ini, tetapi penyelewengan ajaran yang disampaikan oleh kumpulan ini.

"Kita tidak boleh membenarkan ajaran yang salah dikembangkan di tanah air kita menyebabkan ramai daripada rakyat terpesong daripada ajaran agama yang sebenar," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sudah terbukti bahawa Arqam mampu mempengaruhi sebilangan besar orang Islam mengikut ajaran mereka termasuk mereka yang terpelajar.

"Jika kita tidak halang, kita khuatir bahawa ajaran silap ini akan berkembang dan menjadi kepercayaan umat Islam di Malaysia," katanya.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata,

kerajaan menghadapi masalah jika terdapat pertubuhan seperti Arqam yang pada awalnya memegang kepada kebenaran dan pengajaran Islam yang betul tetapi memberi sedikit penekanan kepada pakaian yang dianggap oleh kerajaan sebagai perkara sampingan sahaja.

"Tetapi masa-masa lewat ini dia mula menyebarkan Aurad Muhammadiah, mendewakan pemimpin sehingga sanggup berkata Asaari dari keluarga Nabi.

"Dulu dia cuma Ustaz Asaari... tiba-tiba jadi Abu Ustaz Asaari At Tarmimi kononnya Pemuda Tamimi daripada Bani Quraisy...susahlah sikit kita hendak faham...nam-paknya dia sudah lari jauh," katanya.

Dr. Mahathir berkata, sikap taksuf di kalangan ahli-ahli Arqam ini telah menyebabkan hubungan kekeluargaan menjadi renggang kerana anak-anak sanggup meninggalkan dan melupakan ibu bapa

semata-mata taksuf kepada pergerakan ini.

Ditanya mengenai laporan yang menyatakan terdapat ahli-ahli UMNO yang memburukkan kerajaan berikutan tindakan mengharamkan Arqam, beliau berkata, siasatan akan dilakukan untuk mengenal pasti ahli-ahli yang terlibat.

"Saya dapati tidak ada bukti dia betul-betul hendak menentang UMNO...jika dia ahli UMNO..kita kena tanyalah..," katanya.

Ditanya adakah Asaari boleh mendakwa beliau (Dr. Mahathir) walaupun berada dalam tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Perdana Menteri berkata, beliau tidak pasti kedudukan tersebut dari segi undang-undang.

"Dia (Asaari) boleh buat apa sahaja yang dia mahu sebagai warganegara Malaysia malah dia boleh saman saya kerana mengatakan Arqam wanita sebagai hamba seks. Kalau saya salah, saya salahlah," katanya.